

UMT sentiasa buat pemantauan subjek

S# 25/03/08 Pg T19

KUALA TERENGGANU -

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sentiasa menjalankan kajian tiga tahun sekali dalam memastikan proses pembelajaran dalam bidang pendidikan seiring dengan keperluan semasa.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin, berkata, pihaknya mengkaji supaya penyediaan subjek berkenaan mampu diikuti dengan lebih baik.

"Kita turut memanggil pemeriksa dari universiti luar negara untuk mengkaji sama ada subjek berkenaan relevan ataupun tidak supaya pelajar mendapat manfaat sepenuhnya daripada subjek yang disediakan.

"Sekiranya ia tidak sesuai, kita akan mengambil tindakan dengan mengubah kurikulum baru dan sekiranya perubahan berkenaan melebihi 20 peratus, kita akan mengemukakan kepada Senat," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, di sini, semalam.

Beliau juga turut melihat tindakan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengkaji kursus yang tidak relevan sebagai langkah wajar untuk melahirkan graduan lebih berkualiti sama ada di kampus maupun selepas tamat pengajian.

Dalam laporan Sinar Harian kelmarin, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata, aspek melahirkan graduan yang memiliki pekerjaan menjadi perkara utama kementerian yang baru diterajuinya berbanding memastikan kedudukan (ranking) universiti di negara ini berada di kedudukan yang baik.

Selain itu, Dr. Sulaiman turut memberitahu, setakat ini maklum balas yang diterima amat positif daripada pelajar UMT yang tamat pengajian dalam tempoh setahun kerana dapat menjawat jawatan di alam pekerjaan.

Beliau mengakui, Kursus yang ditawarkan di UMT mempunyai keistimewaan dan kelebihan tertentu seperti Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin serta Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan.

Kita turut memanggil pemeriksa dari universiti luar negara untuk mengkaji sama ada subjek berkenaan relevan ataupun tidak supaya pelajar mendapat manfaat sepenuhnya daripada subjek yang disediakan.

■ Sulaiman Md Yassin

Pantau Subjek



SULAIMAN MD YASSIN